

BENCANA ALAM

24 NOVEMBER 2023 | 10 JAMADILAWAL 1445H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala di dunia dan di akhirat

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Sejak akhir-akhir ini seringkali kita mendengar pelbagai bencana alam yang berlaku di dalam dan di luar negara seperti gempa bumi, tanah runtuh, kebakaran, banjir, jerebu dan lain-lain lagi. Kesannya amat besar sehingga memusnahkan harta benda dan mengorbankan ribuan nyawa. Ia adalah sebahagian ujian daripada

Allah kepada hamba-Nya sebagaimana Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 155,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالشَّمَرَاتِ ^{قُلْ} وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.*”

Setiap orang yang beriman menyakini bahawa bencana alam adalah ketentuan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Tambahan pula ia adalah sebahagian tanda akhir zaman sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud: “*Tidak akan berlakunya Kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, muncul pelbagai keburukan dan banyaknya pembunuhan.*”

Oleh itu apabila ditimpa bencana hendaklah kita reda dan bersabar serta berdoa kepada Allah Subhanahu wa Taala. Dalam hadis riwayat Imam Muslim, apabila ditimpa bencana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar kepada kita doa ini:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ اللَّهُمَّ أَجْرِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Yang bermaksud: *“Kita milik Allah semata dan sesungguhnya hanya kepada-Nya kita kembali. Ya Allah berilah aku pahala dalam musibah yang menimpaku, dan berilah aku ganti yang lebih baik daripada musibah yang telah menimpa.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,

Kejadian bencana alam yang banyak berlaku juga menuntut kepada kita untuk rasa bimbang bahawa ia sebahagian daripada tanda kemurkaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala. Ingatlah, Allah Subhanahu Wa Ta’ala menunjukkan kemurkaan-Nya kepada umat yang terdahulu seperti umat Nabi Nuh, Nabi Soleh, Nabi Luth, Nabi Musa dan lain-lain lagi dengan menghantar bencana alam seperti banjir besar, ribut taufan, gempa bumi dan seumpamanya. Ketika itu mereka melupai Allah serta hidup bergelumang dengan syirik, kemaksiatan dan melakukan pelbagai kerosakan.

Marilah kita saling mengingatkan supaya kita, kaum keluarga serta jiran tertangga dapat menjauhkan diri daripada kemaksiatan seperti zina, judi, minum arak, rasuah dan lain-lain. Ditambah pula dengan hiburan yang melampau dan hidup dalam keseronokan dunia sehingga lalai daripada beribadat kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala. Perbuatan yang dilakukan oleh manusia hari ini seakan-akan mereka mengundang kemurkaaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala. Ingatlah akan Firman-Nya dalam surah al-Ankabut ayat 40:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَكُلًّا أَخَذْنَا بِذَنْبِهِ^ص فَمِنْهُمْ مَّنْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَاصِبًا وَمِنْهُمْ مَّنْ
أَخَذْتُهُ الصَّيْحَةُ وَمِنْهُمْ مَّنْ خَسَفْنَا بِهِ الْأَرْضَ وَمِنْهُمْ مَّنْ أَغْرَقْنَا^ج
وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: “Maka, masing-masing (mereka itu) Kami binasakan kerana dosanya. Antara mereka ada yang Kami hantarkan angin ribut yang menghujani mereka dengan batu, ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang kuat (yang menggegarkan bumi), ada yang Kami benamkannya di bumi, dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Allah sama sekali tidak menzalimi mereka, akan tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Ingatlah bahawa bencana dan kenaikan harga barang pada masa ini adalah merupakan salah satu ujian dan bencana daripada Allah Subhanahu wa Taala disebabkan kemaksiatan dan perpecahan sesama kita. Maka dengan itu, hendaklah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dan kembali bersatu mengukuhkan perpaduan sesama Umat Islam serta menjauhi maksiat. Semoga Allah Subhanahu wa Taala membuka kemakmuran dan rezeki sebagaimana dalam surah At-Talaq dalam ayat 2 hingga 3;

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ^و مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ^ع

Yang bermaksud: “...dan sesiapa bertaqwa kepada Allah (dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan membukakan jalan keluar baginya (daripada segala perkara yang menyusahkannya). Dan Dia memberinya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka.”

Renungilah firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah ar-Rum ayat 41 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.